

BULETIN

PATRIOT

KEMENTERIAN PERTAHANAN

EDISI 2 / 2022

MEI-OGOS

ISSN: 1511-1849



LATIHAN KUASA
TEMBAKAN (LKT)
2022



AGENDA PERUMAHAN WARGA
MINDEF TERUS DIPERKASA
MENERUSI BLUEPRINT
PERUMAHAN 3.0

BLUEPRINT PERUMAHAN 3.0
MINDEF

PANTOMIM PERTEMPURAN DI
BAKARA MARKET HIASI SAMBUTAN
HARI PAHLAWAN 2022

ISI KANDUNGAN

-
- 1** MUKA DEPAN
-
- 2** ISI KANDUNGAN
-
- 3** EDITORIAL
-
- 4** AGENDA PERUMAHAN WARGA MINDEF TERUS DIPERKASA MENERUSI BLUEPRINT PERUMAHAN 3.0
-
- 6** PANTOMIM PERTEMPURAN DI BAKARA MARKET HIASI SAMBUTAN HARI PAHLAWAN 2022
-
- 8** SYABAS DAN TAHNIAH ATLET ATM DAN UPNM ATAS KEJAYAAN SUKAN SEA KE-31 HANOI 2021 (12 MEI - 23 MEI 2022)
-
- » LAWATAN KERJA MENTERI KANAN PERTAHANAN KE SARAWAK
-
- 10** » MESYUARAT GENERAL BORDER COMMITTEE (GBC) MALINDO MALAYSIA – INDONESIA KE -42
-
- 12** TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN RAI SYAWAL BERSAMA WARGA MALBATT 850-9
-
- 13** LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN KE BEIRUT, LUBNAN
-
- 14** LAWATAN RASMI PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE INDONESIA
-
- 15** AKTIVITI KAKEP MEI HINGGA OGOS 2022
-
- 16** LATIHAN KUASA TEMBAKAN (LKT) 2022 "ATM PAMER KEUPAYAAN ASET DAN KEMAHIRAN ANGGOTA"
-
- 18** » KD LEKIR PAMER TARING DI RIMPAC
-
- » LUMUT MERDEKA SWIM 2022
-
- » HARI ULANG TAHUN TUDM KE-64 "KUASA UDARA, PERISAI KEDAULATAN NEGARA"
-
- 20** » TERBANG LINTAS PESAWAT UDARA TUDM MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2022
-
- » KERJASAMA STRATEGIK ANTARA JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM DAN UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK (UNIRAZAK)
-
- » SIMPOSIUM KERJAYA DAN ASPIRASI VETERAN ATM
-
- » ROGER COFFEE SASAR BUKA 6 OUTLET DI MALAYSIA, BIMBING VETERAN ATM DALAM PERNIAGAAN
-
- 24** » PENGAJAR, PELATIH GEMBLENG TENAGA MENYUMBANG & MEMANFAAT KEPAKARAN DALAM PROGRAM CSR PERHEBAT
-
- 26** ANALISIS TRIBOLOGI ELAK KEGAGALAN PRA-MATANG ASET STRATEGIK ATM
-
- 28** ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) & PINGAT PERKHIDMATAN DAN PEKERTI TERBILANG (PPT) KEMENTERIAN PERTAHANAN: JUN-OGOS 2022
-
- 30** PROGRAM MUHIBAH DAN KESEDARAN BIODIVERSITI MARIN DI PULAU TIOMAN
-
- 31** TAHUKAH ANDA - LENCANA PANGKAT MENGIKUT PERKHIDMATAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
-
- 32** INFOGRAFIK BLUEPRINT PERUMAHAN 3.0

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz
Ketua Setiausaha Kementerian
Pertahanan

PENASIHAT

Adreena binti Abdul Majid
Ketua Komunikasi Strategik

KETUA EDITOR

Saiful Hisham bin Mansor
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

PENOLONG KETUA EDITOR

Lt Kol Zuhairy bin Limat
Ketua Seksyen Perhubungan Awam

EDITOR

Mej Hafiza bin Ismail
Muhammad Syurahbil bin Hashim
Mazaitul Azwa binti Abdullah

TIM EDITORIAL

Nur Ina Fazira binti Mazelan
Siti Hamizah binti Helmi

FOTO

- Unit Komunikasi Strategik;
- Perhubungan Raya Tentera Darat;
- Perhubungan Raya Tentera Laut Diraja Malaysia;
- Perhubungan Raya Tentera Udara Diraja Malaysia;
- Portal Rasmi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia;
- Majlis Sukan Angkatan Tentera;
- Pusat Cemerlang Olahraga Tentera Darat (PCOTD)
- Lembaga Sukan TUDM;
- Pusat Sukan Akademi Kecergasan Pertahanan, UPNM

Tel : 03 - 4012 3305
Web : www.mod.gov.my
E-mel : [penerbitan.eks@gmail.com](mailto:penerbitan.eks@mod.gov.my)
Facebook : Kementerian Pertahanan Malaysia
Instagram : mindefmalaysia
Twitter : @MINDEFMalaysia
Youtube : Kementerian Pertahanan
Telegram : MindefUpdate
TikTok : @mindefmalaysia


DARI MEJA EDITOR



" Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 telah pun berlalu dengan membawa seribu kenangan. Ramai yang bersetuju sambutan kali ini benar-benar meriah, bersejarah dan penuh bermakna. Keluarga Malaysia terdiri daripada pelbagai suku kaum tidak melepaskan peluang untuk sama-sama meraikan dan memeriahkan lagi sambutan yang telah diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

"#KeluargaMalaysia Teguh Bersama" dipilih sebagai tema sambutan kali ini. Tema yang mempunyai makna penuh signifikan menggambarkan bahawa rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai lapisan usia, berbeza kaum dan agama terus bersatu teguh dalam membina sebuah Keluarga Malaysia hidup penuh dengan keharmonian dan bersatu padu bagi mengekalkan keamanan serta kedaulatan negara.

Akhirnya dalam kita merayakan hari kebangsaan negara tercinta ini, hendaknya jangan sekali-kali kita melupakan jasa dan pengorbanan para pemimpin dan anggota pasukan keselamatan yang telah berkorban demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara ini dari ancaman musuh. Ingatlah 'ancaman musuh' masih berterusan; dan negara memerlukan anda untuk mempertahankannya. Buktikan semangat "#KeluargaMalaysia Teguh Bersama" benar-benar anda hayati dengan turut serta mempertahankan dan memajukan negara tercinta. **"**





AGENDA PERUMAHAN WARGA MINDEF TERUS DIPERKASA MENERUSI BLUEPRINT PERUMAHAN 3.0

Agenda perumahan terus menjadi keutamaan Kementerian Pertahanan khususnya dalam meningkatkan taraf hidup dan keselesaan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan warga awam yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan. Bagi merealisasikan hasrat ini, perancangan jangka panjang perlu dilaksanakan untuk memastikan segala program dapat dijalankan dengan sempurna dan teratur. Maka telah terhasil *Blueprint Perumahan 3.0* (BP 3.0) yang merupakan cetusan idea YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan. BP 3.0 ini merupakan kesinambungan dari BP 1.0 yang telah diperkenalkan pada tahun 2017 dan BP 2.0 tahun 2019.

BP 3.0 (2022-2030) menjadi garis panduan bagi perancangan program perumahan di bawah MinDef dan telah dirangka berpaksikan tiga (3) objektif utama iaitu pembinaan, penyelenggaraan dan pemilikan rumah untuk Warga Kerja Pertahanan dan juga Veteran ATM. Terdapat empat (4) program utama yang akan dilaksanakan di bawah BP 3.0. Program pertama adalah pembangunan Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT). Melalui program ini sebanyak 12,733 unit RKMAT yang baharu akan dibina menerusi lima (5) fasa keseluruhan mulai 2023 sehingga 2030.

Perancangan Fasa 1 hingga Fasa 3 melibatkan 7,427 unit akan memberi keutamaan kepada projek-projek yang sudah mempunyai tapak, tanah serta lokasi. Manakala baki sebanyak 5,306 unit RKMAT akan dilaksanakan dalam Fasa 4 dan Fasa 5 yang melibatkan perancangan perumahan yang masih belum bersedia dari segi tapak, tanah serta kem. Setiap rumah akan mengikut spesifikasi terkini dan dilengkapi perabot serta keperluan asas seperti taman permainan, surau, dewan serbaguna dan gelanggang sukan.

PERUMAHAN 3.0

Penyelenggaran dan naik taraf (2 to 1) RKMAT merupakan program kedua di dalam BP 3.0. Melalui program ini, lebih banyak RKMAT yang sedia ada akan melalui proses naiktaraf daripada dua (2) unit kepada satu (1) unit (2 to 1). Manakala bagi RKMAT yang tidak kondusif untuk didiami oleh anggota-anggota ATM, RKMAT tersebut akan dinaik taraf daripada dua (2) bilik kepada tiga (3) bilik. Program ini akan dilaksanakan setiap tahun oleh MinDef melalui Belanja Pembangunan (DE) atau menerusi pembentukan hasil kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta seperti (PPP-PFI atau *Landswap*).



Program pemilikan rumah sendiri melalui Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) merupakan program ketiga di dalam BP 3.0. Melalui BP 3.0 ini, MinDef berhasrat untuk mengadakan kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyediakan kuota khas bagi anggota ATM dan Veteran ATM memiliki rumah sendiri di bawah projek perumahan yang dibangunkan oleh KPKT. Antara projek SASaR yang telah dimulakan adalah dengan pembinaan Residensi Sateria pada tahun 2021 dan diteruskan di dua (2) lokasi lain iaitu sebahagian di Lot Kem Wardieburn dan Kem Genting Klang. Pembinaan ini dilaksanakan secara berfasa yang akan bermula pada tahun 2023 sehingga 2035 dengan perancangan seperti berikut:

Pembinaan SASaR Kem Wardiburn – 2023 -2025 : Pembinaan 2 Buah Blok Sebanyak 974 Unit.

Pembinaan SASaR Kem Genting Klang melibatkan 3 fasa bermula 2028 – 2034 sebanyak 6,400 unit.

Seterusnya adalah Program Perumahan Veteran yang merupakan program keempat di dalam BP 3.0. Pada tahun ini sebanyak 30 unit rumah baharu akan dibina khusus untuk Veteran ATM yang terpilih dan 70 unit lagi akan dinaiktaraf. Bagi memastikan pelaksanaan yang dirancang mencapai objektifnya, Pelan Tindakan Inisiatif Perumahan Veteran ATM 2022 hingga 2030 telah dilaksanakan oleh MinDef. Melalui pelan tindakan ini, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah menyasarkan peningkatan jumlah rumah seiring dengan pertambahan peruntukan yang bakal diterima. Nisbah 4:1 iaitu empat (4) unit rumah untuk projek baikpulih bagi setiap satu (1) projek bina baharu dianggarkan bagi setiap sasaran tahunan bermula 2022 hingga 2030.

MinDef telah memperincikan setiap keperluan Warga Kerja Pertahanan menerusi BP 3.0 yang lengkap dan menyeluruh. Usaha ini memperlihatkan komitmen dan keprihatinan kerajaan dalam menghargai jasa serta pengorbanan Warga Kerja Pertahanan. Kerjasama dengan pelbagai pihak yang terlibat akan terus dilaksanakan bagi memastikan segala yang telah dirancang akan mencapai sasarannya. Majlis pelancaran BP 3.0 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada 13 Julai 2022 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Kementerian Pertahanan. Turut hadir sama ialah YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan.

BLUEPRINT PERUMAHAN 3.0 MINDEF





PANTOMIM PERTEMPURAN DI BAKARA MARKET HIASI SAMBUTAN HARI PAHLAWAN 2022

***"Harimau mati meninggalkan
BELANG,
Manusia mati meninggalkan
NAMA"***

Persembahan pantomim mengenang jasa pejuang negara telah menjadi acara kemuncak kepada Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Pahlawan 2022 yang telah diadakan pada 31 Julai 2022 di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya. Persembahan ini mengimbau kembali peristiwa berdarah yang membabitkan pasukan Batalion Ke-19 Rejimen Askar Melayu Diraja (19 RAMD) Mekanise yang terlibat dalam misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Mogadishu, Somalia di bawah Kontinjen MALBATT 1 UNOSOM II (United Nations Operation in Somalia).

Peristiwa yang berlaku pada 3 dan 4 Oktober 1993 membabitkan anggota elit US Rangers dengan pihak militia Somalia di Bakara Market. Pasukan 19 RAMD Mekanise (MALBATT 1) telah dikerahkan ke kawasan pertempuran untuk menyelamatkan anggota elit US Rangers dan kru helikopter Black Hawk yang terperangkap di pasar berkenaan akibat dikepung oleh militia pimpinan Mohamed Farrah Aidid. Semasa operasi menyelamat anggota US Rangers, kereta perisai Condo yang dipandu oleh Koperal Mat Aznan Awang telah diserang hendap gerila pemberontak melalui tembakan roket RPG dan telah


menembusi cermin hadapan kenderaan perisai tersebut sehingga menyebabkan beliau terkorban. Persembahan pantomim diiringi sajak bertajuk 'Bakara' yang telah dideklamasikan oleh anak Allahyarham Koperal Mat Aznan Awang iaitu Staf Sarjan Noor Azlinda binti Mat Aznan bergandingan bersama Kpl Siti Nur Aini binti Jasmi telah menyentuh hati dan perasaan tetamu yang hadir sehingga mengalirkan air mata. Allahyarham Koperal Mat Aznan telah dikurniakan Darjah Keberanian Tertinggi Persekutuan, Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) atas keberanian dan pengorbanan beliau.

Sambutan Hari Pahlawan 2022 yang berlangsung di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya dimulakan dengan Istiadat Perbarisan berkonsep perbarisan statik dengan penglibatan enam (6) detasmen terdiri daripada Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kontinjen Pesara Polis dan Bekas Polis Malaysia (PBPM) serta Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM). Penglibatan keseluruhan terdiri daripada 66 pegawai dan 1,055 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah

telah berkenan mencemar duli ke Istiadat Perbarisan Hari Pahlawan 2022 tersebut. Turut hadir sama adalah YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Dalam Negeri, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera dan Inspektor Jeneral Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani, Ketua Polis Negara.


Selain Istiadat Perbarisan, Khutbah Khas dan Solat Jumaat turut diadakan sempena Sambutan Hari Pahlawan 2022 yang telah dilangsungkan pada 29 Julai 2022 bertempat di Masjid Khalid Al-Walid, Kementerian Pertahanan Malaysia. Khutbah Khas bertajuk "Segagah Khalid Al-Walid" telah disampaikan oleh Mej Jen Hj Mohd Rashidi Bujai, Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Intipati khutbah tersebut mengupas sifat keberanian serta pengorbanan pahlawan demi memastikan sesebuah negara kekal berdaulat. KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah berkenan mencemar duli menunaikan Solat Jumaat dan mendengar Khutbah Khas sempena Sambutan Hari Pahlawan 2022.



SYABAS DAN TAHNIAH ATLET ATM DAN UPNM ATAS KEJAYAAN SUKAN SEA KE-31 HANOI 2021 (12 MEI - 23 MEI 2022)



**LK I TNL Muhammad Irfan Shamsuddin (TLDM)
Pingat Emas
Acara Lempar Cakera**



**LK I PAP Jackie Wong Siew Cheer (TLDM)
Pingat Emas
Acara Baling Tukul Besi (Lelaki)**



**Sureeya Sankar a/l Hari Sankar
(Pelajar AKP UPNM)
Pingat Emas
Acara Sukan Karate Kumite
Individu (-67kg)**



**LK I TNL Norfaizzul Abd Razak (TLDM) dan
LU I Muhammad Afifuddin Bin Mohd Razali (TUDM)
Pingat Perak
Acara Regu Berpasukan Sepak Takraw (Lelaki)**



**LK 1 JJM Khir Akyazlan Bin Azmi (TUDM)
Pingat Gangsa
Acara Tinju**



**LK I TNL Nauraj Singh (TLDM)
Pingat Perak
Acara Lompat Tinggi Lelaki**



**Staf Sarjan Billage Anak Nakang (TDM)
Pingat Perak
Acara Silat – Putra Open (110 kg)**



**LKpl Iskandar bin Alwi (TDM)
Pingat Gangsa
Acara Lompat Bergalah (Lelaki)**



**Nurul Syasya Nadiah Mohd Arifin
(Pelajar AKP UPNM)
Pingat Emas
Acara Sukan Menembak
(10M Air Pistol) Wanita**



**Muhammad Khairi Adib (Pelajar AKP UPNM)
Pingat Emas
Acara Sukan Pencak Silat (Tanding)
Kategori : Putra B (50-55kg)**



**Sureeya/Arif/Geeri (Pelajar AKP UPNM)
Pingat Emas
Acara Sukan Karate Kumite
(Berpasukan Lelaki)**



**LKpl Zaidatul Husniah Zulkifli (TDM) dan
LK TNL Komalam Shally Selvaretnam (TLDM)
Pingat Gangsa
Acara Olahraga 4 x 100m Lari Berganti-ganti
Wanita**



**LUK Mohd Aswan Che Azmi (TUDM)
Pingat Gangsa
Acara Tinju 69 Kg Lelaki**



**Kpl U Zainal Arif bin Zainal Ariffin
(TUDM)
Pingat Gangsa
Acara Bina Badan 80 kg (Lelaki)**



**Muhammad Aiman Hamdan
(Pelajar AKP UPNM)
Pingat Gangsa
Acara Sukan Tennis Berpasukan (Lelaki)**



**LK I TNL Savinder Kaur Joginder Singh (TLDM)
Pingat Gangsa
Acara Olahraga 800m Wanita**

LAWATAN KERJA MENTERI KANAN PERTAHANAN KE SARAWAK

Pada 5 Ogos 2022, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan telah melakukan lawatan kerja ke Sarawak bagi merasmikan Poliklinik Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kem Penrissen di samping membincangkan agenda keselamatan dan pertahanan di Sarawak. Poliklinik Kesihatan ATM di Kem Penrissen merupakan salah satu (1) daripada lima (5) buah Poliklinik Kesihatan ATM yang telah dirangka di bawah agenda kesihatan MinDef. Selain di Kem Penrissen, tiga (3) buah Poliklinik ATM dalam proses pembinaan iaitu di Kluang, Johor, Seberang Takir, Terengganu dan Sungai Petani, Kedah manakala di Kuantan, Pahang telah memasuki proses tender.

Antara fasiliti yang disediakan di Poliklinik ATM Kem Penrissen meliputi dewan bedah, wad pesakit, unit rehabilitasi, klinik tentera, kesihatan keluarga, unit

kecemasan, pusat hemodialisis, perkhidmatan kesihatan awam dan perkhidmatan pergigian. Selain anggota ATM, kesemua fasiliti ini boleh juga dimanfaatkan sepenuhnya oleh Veteran ATM serta ahli keluarga mereka. Pelaksanaan inisiatif ini membuktikan bahawa MinDef dan ATM sentiasa prihatin terhadap aspek kesihatan anggota dengan menyediakan fasiliti serta memberikan perkhidmatan yang efisien, pelbagai dan menyeluruh

YB Menteri Kanan Pertahanan turut mengambil peluang mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Johari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak bagi membincangkan inisiatif-inisiatif keselamatan di Sarawak dalam usaha memastikan kedaulatan perairan Sarawak dapat dilaksanakan dengan sistematik dan optimum di sempadan maritim.



MESYUARAT GENERAL BORDER COMMITTEE(GBC) MALINDO MALAYSIA – INDONESIA KE - 42

Mesyuarat GBC MALINDO Malaysia-Indonesia ke-42 yang telah diadakan pada 9 Ogos 2022 telah mencapai tiga (3) kesepakatan penting khususnya berhubung aspek keselamatan sempadan kedua-dua buah negara iaitu mempercepatkan penugasan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Tentera Nasional Indonesia (TNI) di Pos Gabungan Bersama (GABMA) sedia ada dan yang terkini melibatkan tujuh (7) pos di Malaysia dan tujuh (7) pos di Indonesia. Seterusnya mengaktifkan semula Patroli Terkoordinasi Darat, Laut dan Udara yang tertangguh disebabkan COVID-19 sebagai langkah memperkuatkan hubungan kerjasama antara agensi keselamatan kedua-dua buah negara. Kesepakatan yang terakhir ialah mewujudkan kerjasama keselamatan siber di bawah GBC MALINDO yang bertujuan membina jalinan hubungan kerjasama kedua-dua buah negara serta meneroka inisiatif baharu dalam usaha memelihara keselamatan data siber.

Selain itu, MoU kerjasama pertahanan juga turut ditandatangani antara Malaysia-Indonesia yang memberi nafas baharu terhadap kerjasama pertahanan yang merangkumi lima (5) skop utama iaitu perkongsian maklumat mengenai isu-isu pertahanan, kerjasama antara kedua-dua Angkatan Tentera di pelbagai peringkat termasuk pertukaran pegawai, latihan, pendidikan dan eksesais ketenteraan. Ketiga, dialog dan rundingan dua hala mengenai isu pertahanan strategik dan

ketenteraan berdasarkan kepentingan bersama, keempat kerjasama dalam bidang sains dan teknologi pertahanan dan yang terakhir adalah kerjasama dalam industri pertahanan.

Keunikan dan keistimewaan mesyuarat pada kali ini merupakan sambutan Jubli Emas ke 50 tahun Kerjasama Malaysia-Indonesia yang terbentuk hasil pemeteraian Security Arrangement 1972. Majlis akan malam meraikan Delegasi Pertahanan Malaysia dan Indonesia yang bersidang di Mesyuarat Ke-42 General Border Committee Malaysia-Indonesia (GBC MALINDO) di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia sekaligus merasmikan sambutan 50 tahun GBC MALINDO. Sambutan diakhiri dengan penyerahan memorabilia kepada Menteri Kanan Pertahanan Malaysia dan Menteri Pertahanan Republik Indonesia sebagai simbolik kerjasama 50 tahun yang amat bermakna buat kedua-dua buah negara.



42 GENERAL
BORDER
COMMITTEE MEETING

WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

9 OGOS 2022



TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN RAI SYAWAL BERSAMA WARGA MALBATT 850-9

YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan telah mengadakan lawatan kerja ke Lubnan pada 1 Mei 2022 dan seterusnya meraikan sambutan Syawal bersama-sama warga MALBATT 850-9. Kehadiran beliau untuk bersama-sama meraikan syawal amat bermakna kepada wira-wira negara yang terlibat dalam misi pengamanan. Sebelum itu, YB Timbalan Menteri Pertahanan berkesempatan menghadiri majlis berbuka puasa di Dewan Jun Sang UNP 2-1, Kem Marakah. Selesai majlis berbuka puasa, beliau bersama-sama anggota telah melaungkan takbir raya di Masjid Kawkaba dan seterusnya ke Program Memasak Hari Raya Aidilfitri di perkarangan Nadi Taming Sari. Walaupun berjauhan dengan keluarga tercinta, wira-wira negara tetap merasai kemeriahinan sambutan Syawal seperti di tanah air sendiri apabila juadah lemag, ketupat, kuah kacang yang merupakan hidangan wajib tetap dihidangkan di bumi Lubnan.

Pada 2 Mei 2022, warga Harimau Biru telah bersama-sama meraikan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri. Pelbagai pengisian telah diadakan antaranya penyampaian sumbangan beg raya kepada warga MALBATT yang bertugas misi di Lubnan. Selain itu, Timbalan Menteri Kanan Pertahanan turut menyampaikan 'Mock-Up Cheque' bernilai 5,000 USD kepada Sel CIMIC MALBATT 850-9 untuk keperluan program-program CIMIC. Beliau juga berpeluang menyertai 'Joy Ride' dengan menaiki Condor RPZ untuk membuat tinjauan sekitar Kem Marakah.





LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN KE BEIRUT, LUBNAN

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan telah mengadakan Lawatan Kerja ke Beirut, Lubnan dan Kunjungan Hormat kepada Tuan Yang Terutama Duta Besar Malaysia, Encik Azri bin Mat Yacob, pada 8 Julai 2022 bertempat di Kedutaan Malaysia, Ras Beirut.

Dalam rangka lawatan berkenaan, KSU telah melawat kawasan tanggungjawab MALBATT 850-9 dan diberi penghormatan untuk merasmikan projek *Troop Contributing Countries* (TCC) - Sistem Penapis Air di Bangunan Municipality Marakah. Projek CIMIC di bawah Program TCC ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pertahanan Malaysia melalui perancangan Sel CIMIC MALBATT 850-9. Komuniti Marakah dan sekitarnya amat menghargai usaha Kementerian Pertahanan menjayakan projek ini yang secara tidak langsung telah memberi manfaat kepada penduduk setempat terutamanya bagi mendapatkan sumber air bersih di daerah tersebut.

Perasmian Projek TCC ini disaksikan Lt Jeneral Dato' Indera Haji Yazid bin Haji Arshad TUDM, Panglima Angkatan Bersama, Laksdyo Dato' Pahlawan Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah, Presiden PUSPAHANAS, Datuk Muhamad Zamani bin Mohd Ali, SUB Kewangan KEMENTAH, Brig Jen Dato' Md Rahim bin Mohamad, Asisten Ketua Staf J2 MK AB, Mej Jen Haji Mohd Rashidi bin Bujai, Ketua Pengarah KAGAT dan delegasi Kementerian Pertahanan Malaysia.





LAWATAN RASMI PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE INDONESIA

Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera Malaysia telah mengadakan Lawatan Rasmi ke Indonesia bersempena penganjuran Mesyuarat High Level Committee (HLC) Malaysia-Indonesia (MALINDO) kali ke-16 yang telah berlangsung pada 22 hingga 24 Jun 2022 di Bandung, Indonesia. Lawatan ini merupakan agenda strategik dalam usaha memperkuuhkan hubungan diplomasi serta kerjasama pertahanan di antara kedua-dua buah negara.

HLC MALINDO adalah sebuah Jawatankuasa Bilateral yang dibentuk di bawah kerangka kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Indonesia. Melalui jawatankuasa ini Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI) dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (PAT) bertindak sebagai Ketua Bersama HLC. Pada mesyuarat kali ini TNI bertindak selaku Ketua Bersama HLC dan beberapa agenda penting berhubung pelaporan berkenaan Coordinated Operation Control Committee (COCC), Jawatan Kuasa Latihan Bersama (JKLB), Joint

Police Cooperation Committee (JPCC) dan Kelompok Kerja/Jawatan Kuasa Kerja Sosio Ekonomi Malaysia - Indonesia (KK/JKK SOSEK MALINDO) telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Di akhir mesyuarat, kedua-dua belah pihak telah menandatangani minit mesyuarat berkenaan dan akan dibawa ke sesi mesyuarat selanjutnya yang akan dilaksanakan di Malaysia.

Seusai mesyuarat, PAT telah membuat lawatan ke PT. Pindad yang merupakan sebuah perusahaan dalam industri pembuatan produk pertahanan dan dimiliki sepenuhnya oleh syarikat tempatan Indonesia. Lawatan ini bertujuan untuk melihat sendiri hasil serta kualiti produk pertahanan yang diusahakan oleh syarikat tersebut. Keistimewaan yang dimiliki syarikat ini adalah mereka bukan sahaja menyediakan keperluan sistem persenjataan malah melakukan kerja penyelenggaraan bagi aset pertahanan demi keamanan Indonesia.



AKTIVITI KAKEP

MEI HINGGA OGOS 2022



28 MEI 2022 : PROGRAM JUNGLE TRACKING DI HUTAN LIPUR, LEPOH, HULU LANGAT, SELANGOR, ANJURAN BIRO REKREASI KAKEP, MINDEF



23 JUN 2022 : PROGRAM WACANA ILMU BERTAJUK 'SCAMMER' BERSAMA ENCIK KAMAL AFFANDI (PENGANALISA JENAYAH) DI DEWAN AUDITORIUM MINDEF.



JUN - DISEMBER 2022: PROGRAM LESEN MOTOSIKAL KELAS B FULL BERKELOMPOK



23 JULAI 2022 : PERTANDINGAN MEMANCING PIALA KSU 2022



12 - 14 OGOS 2022 : PROGRAM CANDAT SOTONG ANJURAN KAKEP BERSAMA PUSPANITA MINDEF DI PULAU KAPAS, TERENGGANU



18 OGOS 2022 : PERTANDINGAN MINDEF GOT TALENT



22- 26 OGOS 2022 : PROGRAM SEMPENA BULAN KEBANGSAAN KE 65

LATIHAN KUASA TEMBAKAN (LKT) 2022

“ATM Pamer Keupayaan Aset dan Kemahiran Anggota”

Sekali lagi Kem Syed Sirajuddin, Gemas digegarkan dengan Latihan Kuasa Tembakkan (LKT) 2022 yang dilaksanakan dengan jayanya pada 21 Jun 2022 oleh ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melibatkan elemen tempur Tentera Darat, Laut dan Udara. LKT 2022 merupakan aktiviti tahunan Tentera Darat Malaysia (TDM) dalam mempamerkan keupayaan aset dan kompetensi anggota yang sentiasa siapsiaga dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

LKT ini mempamerkan atur gerak dan keupayaan combat team dalam ketumbukan *combined arms* melalui maneuver dan kuasa tembakan secara segmen dinamik bagi memperagakan keberkesanan sistem persenjataan ATM dalam senario pertempuran masa kini. Latihan ini memberi peluang kepada ATM untuk menguji pengurusan pasukan dan keupayaan anggota dalam melaksanakan latihan disamping memperagakan keupayaan mengendalikan kenderaan dan persenjataan canggih serta terkini secara profesional.

Pada tahun ini, seramai 2,300 Pegawai dan anggota dari pelbagai kepakaran serta melibatkan sebanyak 644 aset pertahanan pelbagai jenis antaranya kenderaan tempur, kenderaan sokongan dan sistem persenjataan dari ketumbukan Infantri, Mekanize, Armor, Artileri, Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) dan Aset Udara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).





5

Antara aset yang diatur gerak adalah PT-91M Pendekar, AV-8 Gempita, AV-4 Lipan Bara, ACV-300 Adnan dan Malaysian Infantry Fighting Vehicle (MIFV). Manakala aset persenjataan pula merangkumi persenjataan kecil hingga ke meriam berkaliber besar dan roket seperti Unit Lancar Berganda (ULB) Astros II, Meriam 155 MM G5 MK III, Meriam 105 MM PH L5, Anti-Tank Guided Missile (ATGM) INGWE, BAKTAR SHIKAN, Mortar 120MM dan 81MM serta Rocket-Propelled Grenade (RPG-7 40MM).

Keistimewaan LKT pada kali ini apabila buat kali pertama menyaksikan keupayaan dan kehebatan helikopter tempur MD-530G yang merupakan aset baharu diterima oleh TDM. Helikopter ini merupakan buatan Amerika Syarikat dilengkapi sistem persenjataan seperti pelancar roket 70mm, Gatling Gun 7.62mm serta Heavy Machine Gun 12.7mm. Selain itu, helikopter 'Super Lynx' dan 'AS555 Fennec' dari TLDM, helikopter EC-725 dari TUDM serta helikopter Agusta A-109 LOH milik TDM turut terlibat sama dalam elemen udara LKT 2022. Manakala dalam segmen tembakan tidak langsung, aset-aset pejuang TUDM seperti 'FA-18 D Hornet' dan 'BAE Hawk 208' memperlihatkan keupayaan *Tactical Display* dan *Close Air Support* (CAS) bagi kedua-dua buah pesawat tersebut.

Hadir menyaksikan LKT 2022 ini adalah YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera serta Penglima-Panglima Perkhidmatan. Latihan Kuasa Tembakan ini juga dikenali sebagai *Firepower Training* 2022.

6





KD LEKIR PAMER TARING DI RIMPAC

Sebanyak 26 buah negara, 38 buah kapal, 4 kapal selam, 170 pesawat tempur dan 25,000 anggota telah terlibat menjayakan latihan maritim berskala besar Rim of the Pacific (RIMPAC) 2022 yang telah berlangsung pada 11 Julai hingga 4 Ogos 2022 di Hawaii, Amerika Syarikat.

Penglibatan kali kedua Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) merupakan detik bersejarah buat TLDM yang telah diberikan penghormatan menerusi KD LEKIR untuk melancarkan peluru berpandu Exocet MM40 dalam fasa laut eksesais itu. Selain pelancaran peluru berpandu, KD LEKIR turut melaksanakan latihan penembakan meriam utama Bofors 57mm Mk1 dan *Close Range Gun MSI* 30mm.

KD LEKIR telah melaksanakan tembakan meriam kapal jenis *Medium Range Gun Bofors 57mm MK 1* dan *Close Range Gun MSI 30mm* dalam beberapa siri latihan eksesais RIMPAC 2022. Antara siri latihan tersebut adalah *Naval Surface Firing Support (NSFS)* dan *Gunnery Exercise (GUNEX)*.

Penembakan berjaya dilaksanakan di luar perairan negara ini didorong oleh keupayaan meriam yang sentiasa diselenggara baik mengikut Rutin Senggaraan Berjadual oleh anggota-anggota dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Senjata yang diketuai Bintara Kanan TLS Adimadzlieshah bin Ahmad selaku Ketua Seksyen Sistem Persenjataan Paras Permukaan KD LEKIR. Selain itu, latihan pengoperasian dan pengendalian meriam juga sentiasa dititikberatkan oleh anggota-anggota dari

Seksyen Persenjataan yang diketuai Laskar Kanan PAP Mohd Ismadi bin Borhan, Ketua Meriam Hadapan 57mm. Manakala dua (2) buah meriam belakang 30mm pula diketuai Laskar Kanan PAP Mohd Rizal bin Nor.

Kerjasama erat antara Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Senjata ini secara tidak langsung menyumbang kejayaan KD LEKIR dalam menjayakan kesemua latihan penembakan meriam sepanjang fasa di laut bagi eksesais RIMPAC 2022 yang telah berlangsung di perairan Hawaii, Amerika Syarikat.

Turut terlibat dalam latihan tersebut termasuk kapal USS SAMPSON (Amerika Syarikat), JS TAKANAMI (Jepun) dan ROKS SEJONG THE GREAT (Korea Selatan). Kapal korvet KD LEKIR yang ditauliahkan pada tahun 1984 turut melakukan pengisian minyak di laut atau Replenishment At Sea (RAS) bersama kapal HMAS SUPPLY (A 195) milik Tentera Laut Diraja Australia.

Latihan berskala besar sebegini merupakan satu pendedahan yang penting buat warga TLDM khususnya KD LEKIR dalam melaksanakan operasi maritim. Selain daripada itu, secara langsung mempertingkatkan kemahiran anak kapal dalam memperkasa pengalaman dan mengasah kemahiran taktik pertempuran di laut. KD LEKIR selamat tiba di Tambatan Pangkalan Kota Kinabalu pada 27 Ogos 2022 setelah merentasi samudera sejak 6 Ogos dan dijadualkan meneruskan perjalanan pulang ke Pangkalan TLDM Lumut.



LUMUT MERDEKA SWIM 2022

Seramai 137 orang perenang mengambil bahagian dalam Program Lumut Merdeka Swim 2022 anjuran Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan (MPPL) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sempena Hari Kebangsaan ke-65. Program yang dianjurkan pada 27 dan 28 Ogos 2022 di Lumut Bandar Tentera Laut, Perak ini merupakan kolaborasi antara TLDM dan Majlis Perbandaran Manjung (MPM).

Bertepatan tema Hari Kemerdekaan tahun ini iaitu #KeluargaMalaysiaTeguhBersama, program ini telah berjaya menarik penglibatan pelbagai lapisan masyarakat. Antaranya anggota TLDM, orang awam golongan dewasa, remaja serta kanak-kanak turut tidak melepaskan peluang menyertai program ini sekaligus merapatkan jurang antara anggota dan masyarakat setempat.

Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' Anuar bin Mohamed selaku Panglima Pendidikan dan Latihan telah memimpin program ini dengan lancar dan jayanya. Acara pada 27 Ogos 2022 dimulakan dengan pelepasan para peserta daripada Teluk Batik ke Pasir Bogak dengan jarak renangan sejauh 8 Kilometer. Setiba peserta di Pasir Bogak, satu aktiviti pembersihan pantai Pasir Bogak telah dilaksanakan. Aktiviti ini bertujuan untuk mempromosikan Malaysia sebagai Negara Maritim dan aktiviti peserta diteruskan lagi dengan Malam Patriotisme.



Peserta meneruskan aktiviti dengan penuh semangat pada hari kedua program dengan memulakan renangan dari Pulau Mentagor dan berakhir di Jeti Marina Lumut, Perak sejauh 15 kilometer. Keunikan acara ini apabila seorang peserta autisme menyertai program ini iaitu Nur Dhia Izz Asfadina Muhamad Aerie berusia 13 tahun akan berenang sejauh 23 kilometer bersama-sama dua (2) orang adiknya iaitu Putera Firman Afeef Sabah, 11 tahun dan Ahmad Farhan Afeef Sabah, 10 tahun.

Selain aktiviti renang, pelbagai aktiviti lain dan pameran turut diadakan bagi pengunjung yang hadir di tapak program antaranya *Colors Guard Ceremony*, pameran kerjaya, jualan cendera kenangan dan persembahan dilakukan oleh warga The Navy People seperti pertunjukan Brass Band, Tarian Tempur, Tempur Tanpa Senjata, Muzika Gelombang Biru, persembahan Seni Budaya oleh BAKES TLDM dan Navy Chef's Cuisines.



HARI ULANG TAHUN TUDM KE-64

"KUASA UDARA, PERISAI KEDAULATAN NEGARA"

Tanggal 1 Jun 2022, genap penubuhan pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang ke-64. Tarikh ini pastinya diraikan penuh penghormatan dan kemeriahahan oleh warganya. Hari Ulang Tahun TUDM (HUT TUDM) pada kali ini telah disambut dengan acara utamanya iaitu Istiadat Perbarisan HUT TUDM yang telah berlangsung di Pangkalan Udara Subang, Selangor.

Konsep perbarisan pada kali ini berbeza daripada tahun sebelumnya iaitu dilaksanakan secara perbarisan Berjalan Lalu Dalam Masa Perlahan dan Cepat. Perbarisan pada kali ini turut disertai dengan terbang lintas hormat pesawat-pesawat TUDM terdiri daripada pesawat juang Sukhoi Su-30MKM, BAE Hawk dan F/A-18D Hornet, pesawat angkut A-400M, pesawat latihan PC-7 MKII, helikopter EC-725 AP dan helikopter AW-139.

Istiadat Perbarisan ini juga menjadi lebih bermakna dengan kehadiran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang berkenan mencemar duli berangkat ke Istiadat Perbarisan berkenaan.

"Kuasa Udara, Perisai Kedaulatan Negara" dipilih sebagai tema sambutan HUT TUDM ke-64, menterjemahkan peranan utama TUDM sebagai kuasa udara yang amat penting dan tunjang utama pertahanan udara di dalam melindungi kedaulatan serta keutuhan wilayah negara.

TUDM akan terus perkasa dan mampu berperanan dengan berkesan melalui aplikasi keupayaan yang jitu di setiap kawasan berkepentingan negara (core, extended and forward). Pemantapan TUDM diperkasakan melalui dua (2) elemen yang amat penting iaitu warga yang berkapsiti tinggi dan keupayaan peralatan ketenteraan yang dievolusikan seiring dengan kemodenan teknologi semasa.



TERBANG LINTAS PESAWAT UDARA TUDM MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2022

Tidak dapat dinafikan segmen udara melibatkan terbang lintas pesawat-pesawat udara adalah antara acara yang paling mendapat tumpuan ketika Sambutan Hari Kebangsaan yang berlangsung di Dataran Merdeka pada 31 Ogos 2022 lalu. Pastinya ia menjadi acara yang ditunggu-tunggu para penonton yang hadir untuk melihat sendiri aksi-aksi menakjubkan dari 45 buah pesawat udara yang mengambil bahagian menjayakan segmen udara berkenaan.

Segmen udara pada kali ini menyaksikan sebanyak 31 buah pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah terlibat terdiri daripada pesawat Sukhoi Su-30MKM, BAE Hawk dan F/A-18D Hornet dari kategori pesawat pejuang, C-130H dan A-400M dari skuadron pesawat angkut serta EC-725 AP dan AW-139 dari skuadron helikopter termasuk pesawat latihan Pilatus PC7 MK II. Selebihnya adalah pesawat-pesawat helikopter dari Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Unit Udara BOMBA.

Pujian juga harus diberikan kepada 'komentator' segmen udara yang berjaya menghidupkan lagi suasana dengan lontaran ulasan yang penuh semangat dan dramatik. Tugas ini telah digalas dengan sangat baik oleh Kapt Aslam Hariri Abdul Rashid TUDM yang berpasangan dengan Lt Nurshahira Nazarudin TUDM. Peranan kedua-dua Pegawai TUDM ini menjadi begitu signifikan serta berjaya mencetus emosi para penonton untuk menghayati sepenuhnya persembahan udara yang berlangsung selama 8 minit itu.

Persiapan rapi dan koordinasi terancang di setiap peringkat pelaksanaan dalam aspek keanggotaan, teknikal dan logistik

khususnya dari pihak TUDM menjadi faktor penyumbang kepada kejayaan segmen udara yang berlangsung. Keberkesanan elemen '3 C' (Coordination, Command and Control) di antara agensi-agensi terlibat juga berjaya menzahirkan persembahan yang terbaik serta membanggakan.





KERJASAMA STRATEGIK ANTARA JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM DAN UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK (UNIRAZAK)

Artikel Oleh : Unit Komunikasi Korporat,
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM Kementerian Pertahanan

Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM secara rasminya akan melebarkan lagi jaringan kerjasama dalam usaha meningkatkan taraf pendidikan anak-anak Veteran ATM. Penambahbaikan terhadap bantuan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi untuk anak-anak Veteran ATM telah dilaksanakan melalui kerjasama strategik di antara Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK). YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Strategik antara Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dan UNIRAZAK bertempat di Wisma UNIRAZAK, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur yang telah dimeterai pada 31 Mei 2022.

Melalui kerjasama ini, seramai 250 orang anak-anak Veteran ATM lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang layak akan ditawarkan untuk mengikuti Program Pengajian Asasi Sastera secara percuma pada setiap tahun. Yuran pengajian program ini bernilai RM 12,500.00 untuk setiap orang pelajar akan dibiayai sepenuhnya oleh UNIRAZAK. Program ini akan dilaksanakan bagi tempoh lima (5) tahun sehingga tahun 2026 dengan kos keseluruhan berjumlah RM 31.3 juta. Manakala caj pentadbiran sebanyak RM 100.00 untuk setiap pelajar akan dibiayai oleh Yayasan Veteran ATM (YVATM).

Program pengajian yang ditawarkan kepada anak-anak Veteran ATM ini mampu merealisasikan impian mereka kerana peningkatan pendidikan itu turut mengubah latar ekonomi sesebuah keluarga dengan lahirnya modal insan yang lebih berjaya. Seiring dengan hasrat itu, peningkatan pendidikan juga dilihat mampu mendapatkan

peluang pekerjaan yang lebih baik dengan peluang pendapatan yang lebih terjamin, di samping menikmati kehidupan yang lebih sempurna pada masa hadapan. Kerjasama strategik ini dijangka akan berterusan dan akan menjadi satu program rintis yang boleh dijadikan satu panduan pada masa ini dan akan datang kepada mana-mana pusat pengajian yang lain dalam mengadakan kolaborasi strategik bersama Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.



SIMPOSIUM KERJAYA DAN ASPIRASI VETERAN ATM

Artikel Oleh : Unit Komunikasi Korporat Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM Kementerian Pertahanan

Majlis Pelancaran Simposium Kerjaya dan Aspirasi Veteran ATM di Dewan Wawasan, Menara PGRM, Cheras telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany TLDM, Panglima Tentera Laut pada 23 Jun 2022 bertempat di Dewan Wawasan, Menara PGRM, Cheras. Simposium Kerjaya Dan Aspirasi Veteran ATM yang diadakan adalah anjuran bersama antara Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dan pihak penganjur bersama Persatuan Penyayang Warga Emas Malaysia (PENYAYANG), Wisma Veteran, Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA), Pertubuhan Usahawan Muda Malaysia (PUMMA) yang diterajui oleh YBhg. Dato' Hj. Hasry Sham bin Hj Chasemen dan UVA Holistics Sdn. Bhd. dan turut disertai oleh beberapa rakan strategik seperti PERKESO, Code 7 Tech Sdn Bhd, Carpedia, Kuala Lumpur Convention Centre dan Shapadu Security.

Simposium kerjaya ini adalah julung kali diadakan bertujuan mewujudkan lebih banyak peluang kerjaya kedua buat para Veteran ATM dalam meningkatkan sosioekonomi keluarga sejar dengan agenda penumpuan untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran melalui perkongsian ilmu dari kalangan Veteran ATM kepada Veteran ATM (from veteran to veteran) melalui aktiviti keusahawanan yang berpotensi tinggi untuk menjana pendapatan. Veteran ATM mendapat impak daripada penganjuran simposium ini dengan melibatkan diri dalam pelbagai bidang keusahawanan melalui produk-produk yang mereka usahakan atau pasarkan.

Antara pengisian ekspo ialah pameran kerjaya bagi memberi peluang kepada Veteran ATM dan masyarakat awam yang sedang mencari peluang pekerjaan. Khusus untuk Veteran ATM, terdapat pelbagai organisasi yang akan turut serta menjayakan hasrat ini untuk membantu para Veteran ATM yang menawarkan peluang pekerjaan di seluruh negara menerusi booth yang disediakan oleh rakan-rakan strategik JHEV ATM seperti PERKESO (MyFutureJob), Code 7 Tech Sdn Bhd, Carpedia, Kuala Lumpur Convention Centre dan Shapadu Security.

Program ini menggalakkan penglibatan Veteran ATM dalam gig ekonomi kerana peluang pekerjaan dalam bidang ini menjadi semakin popular dan mempunyai permintaan tinggi di pasaran.

Terdapat juga ekspo jualan dan perkhidmatan yang disertai para usahawan Veteran ATM dan syarikat korporat. Selain penjualan produk dan perkhidmatan, terdapat juga program bual bicara berkaitan peluang menambahbaik produk dan pemasaran melalui perkongsian tips serta panduan perniagaan daripada usahawan yang telah berjaya dan pakar-pakar motivasi. Perkongsian ilmu sebegini akan membantu mereka meneroka pasaran yang lebih luas ataupun peluang membesarkan perniagaan semasa. Inisiatif ini diharapkan akan membawa satu perubahan minda yang lebih positif dan semangat yang lebih bermakna untuk membolehkan warga Veteran ATM terus 'Serving the Nation', serta bersama-sama membina negara yang tercinta.

JHEV ATM berharap agar simposium seumpama ini bukanlah kali pertama dan terakhir dilaksanakan dalam inisiatif melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan Veteran ATM. Jabatan berharap agar masyarakat umum dan agensi-agensi korporat terutamanya, menyokong usahawan veteran tempatan kerana kebanyakannya produk mereka mempunyai potensi untuk berkembang lebih luas di pasaran tempatan dan luar negara. Inilah masanya untuk menzahirkan rasa terima kasih atas pengorbanan yang telah dicurahkan oleh Veteran ATM dalam menentukan keamanan dan kesejahteraan negara.





ROGER COFFEE SASAR BUKA 6 OUTLET DI MALAYSIA, BIMBING VETERAN ATM DALAM PERNIAGAAN

Artikel Oleh : Norzahafiz bin Norzamri
Seksyen Komunikasi Korporat, PERHEBAT

Mendepani fasa endemik dengan penuh harapan baru, keseluruhan sektor ekonomi negara telah mula menyaksikan suatu dinamika dan perkembangan pertumbuhan yang semakin memberangsangkan. Ini termasuk bidang perniagaan berdasarkan food and beverages (F&B) seperti kafe atau coffee shop yang bukan sekadar menghidangkan produk malah melambangkan gaya hidup kepada penggemarnya.

Segmen produk minuman kopi di Malaysia diunjurkan mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 7.2 peratus dari tahun 2020 hingga 2025. Hal ini menunjukkan trend dalam pembukaan coffee shop tempatan semakin berkembang di seluruh negara dengan pelbagai jenama tempatan dan antarabangsa. Tambahan pula, bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur menjadi tumpuan dan sasaran penggemar kopi tanpa mengira lapisan masyarakat.

Bersandarkan kepada potensi itu, PERHEBAT kini tampil dengan Roger Coffee iaitu program keusahawanan di bawah inisiatif VETERANIaga yang menyediakan peluang kerjaya kedua dalam bidang perniagaan F&B kepada Veteran ATM.

Roger Coffee menyasarkan untuk melatih dan membimbing Veteran ATM dalam perniagaan F&B berdasarkan produk minuman kopi yang sememangnya hangat dalam pasaran. Melalui outlet kopi ini, veteran akan turut dilengkapkan dengan bimbingan pemasaran dan konsultasi perniagaan secara komersial. Premis ini juga berperanan sebagai Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran ATM bagi melebarluaskan manfaatnya kepada kumpulan sasar.

Majlis 'Soft Launch' Roger Coffee telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zakariah Haji Md Sam, Ketua Pengarah PERHEBAT pada 12 Ogos 2022 bertempat di Stesen LRT Hang Tuah, Kuala Lumpur. Outlet pertama Roger Coffee di Stesen LRT Hang Tuah ini diusahakan oleh bekas pelatih PERHEBAT, Khairul Amilin Zakaria yang telah mengikuti Latihan Peralihan Kursus Usahawan Bakeri dan Pastri pada tahun 2021. Outlet ini adalah sebahagian program sewaan premis niaga hasil usahasama Prasarana-PERHEBAT, iaitu Ruang Niaga @ Stesen LRT yang menawarkan diskaun sewaan khas kepada Veteran ATM.

Dalam tempoh setahun, Roger Coffee mengunjurkan untuk membuka enam (6) lagi outlet dipacu permintaan dalam segmen produk minuman kopi hari ini yang semakin rancak. Veteran ATM yang berminat untuk menyertai Roger Coffee boleh menghubungi Bahagian Pembangunan Perniagaan PERHEBAT di talian ini 019-292 3654 dan 012-350 0099.



PENGAJAR, PELATIH GEMBLING TENAGA MENYUMBANG & MEMANFAAT KEPAKARAN DALAM PROGRAM CSR PERHEBAT

Corporate Sosial Responsibility (CSR) PERHEBAT Santuni Kasih pada tahun 2022 telah diadakan di Sembrong, Johor pada 5 hingga 7 Julai 2022 dan di Kuala Selangor, Selangor pada 25 Julai 2022. Program ini merupakan tanggungjawab sosial korporat PERHEBAT dalam membina rangaian dan hubungan baik bersama masyarakat setempat. Ia adalah tanda keprihatinan PERHEBAT kepada komuniti dan bukan sekadar penjenamaan organisasi malah merupakan sumbangan terhadap pembangunan masyarakat terutamanya untuk tujuan mendidik nilai-nilai moral.

CSR PERHEBAT di Sembrong merangkumi dua (2) skop utama iaitu mekanikal, elektrikal, perpaipan/plumbing dan pembersihan kawasan. Antara kerja yang dijalankan seperti pemeriksaan pendawaian elektrik, pemasangan lampu dan kipas serta mengganti mentol yang rosak, menyelenggara penghawa dingin, kerja perpaipan dan sanitari, kerja kimpalan serta mengecat, baik pulih bumbung dan papan tanda surau. Sukarelawan terdiri daripada 12 orang pengajar PERHEBAT yang diketuai Nor Azhar Mohd Lazim yang merupakan Pakar Negara dan Juri di *World Skills Competition* dalam bidang *Bricklaying* bersama barisan pengajar pakar yang mahir dalam pelbagai bidang iaitu Mekanikal dan Elektrikal, Perpaipan dan Sanitari, Kimpalan, Binaan dan Hiasan. Program ini turut melibatkan lapan (8) orang pelatih yang sedang mengikuti *On Job Training* (OJT) Latihan Peralihan di Kluang, Johor.

Manakala CSR PERHEBAT di Kuala Selangor telah menjalankan aktiviti di enam (6) buah surau dan masjid termasuklah Surau PERKIM (Kahang), Surau Al-Hidayah (Kampung Gajah), Surau At Taqwa (Kampung Melayu 2 Batu 6), Surau An Noor (Kampung Sri Lukut), Surau An Nur

(Kampung Sri Tambak Batu 8), dan Masjid Pekan Kuala Selangor. Sementara itu, di Masjid Pekan Kuala Selangor seramai tujuh (7) sukarelawan menjalankan kerja pemasangan panel ukiran khat dengan kerjasama Adiguru Muhamimin Hasbullah iaitu Pakar Pengukir Negara dari Temerloh, Pahang. Barisan sukarelawan ini diketuai Pengajar Binaan dan Hiasan, Araman Sarmin. Program ini turut melibatkan semua Pengurus Surau dalam membantu menyelaras kerja-kerja baik pulih yang diperlukan di surau masing-masing.

CSR PERHEBAT merupakan medium latihan praktikal dan *Project Based Learning* kepada Bakal Pesara ATM yang mengikuti Latihan Peralihan. Program ini selaras dengan kurikulum Latihan Peralihan PERHEBAT yang bukan sahaja meliputi ilmu pengetahuan bidang teknikal, vokasional dan keusahawanan semata-mata malah pelatih dibekalkan dengan kemahiran insaniah yang berteraskan kemahiran sosial.

Artikel Oleh : **Norzahafiz bin Norzamri**
Seksyen Komunikasi Korporat, PERHEBAT



ANALISIS TRIBOLOGI ELAK KEGAGALAN PRA-MATANG ASET STRATEGIK ATM

Artikel Oleh : **Mahdi bin Che Isa**
Bahagian Teknologi Maritim, STRIDE

KEGAGALAN JENTERA DAN PERALATAN MEKANIKAL

Setiap aset strategik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sama ada kapal perang moden, pesawat pejuang atau kenderaan tempur berperisai akan dilengkapi dengan pelbagai jentera utama dan peralatan sokongan mekanikal bagi membolehkannya berfungsi dengan cekap sebagaimana dikehendaki dan direkabentuk. Contohnya aset terkini seperti *Littoral Mission Ship* yang mempunyai pelbagai jentera dan peralatan perlu dipastikan berada dalam keadaan terbaik, cekap berfungsi dan siapsiaga untuk setiap penugasan ketenteraan demi mengawal dan menjaga kedaulatan wilayah maritim negara. Namun begitu, risiko kegagalan jentera dan peralatan mekanikal pada aset tersebut tetap masih boleh berlaku sama ada secara pramatang atau kegagalan menyeluruh tanpa mengira masa dan situasi. Kegagalan jentera, atau kegagalan peralatan, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya akan mengakibatkan aset-aset ATM beroperasi pada prestasi yang lebih rendah, terhenti berfungsi dan boleh menyebabkan kegagalan keseluruhan misi yang sedang dilaksanakan serta membawa kerugian dari sudut kos kepada negara sekiranya pembaikan berskala besar terpaksa dilakukan.

BAGAIMANA MERAMAL KEGAGALAN JENTERA


Kegagalan jentera atau peralatan mekanikal lain adalah merupakan satu fenomena yang sering dilaporkan dan kebanyakannya kegagalan tidak boleh dijangkakan sama ada bermula dari satu atau pelbagai punca pada masa tersebut. Sebahagian kegagalan jentera adalah jelas boleh diperhatikan pada kecacatan komponen, manakala sebahagiannya sukar dipastikan kerana ianya terbina dari kegagalan kecil yang sukar dikenal pasti. Lazimnya terdapat tiga (3) jenis kegagalan yang sering ditemui dan dilaporkan iaitu kegagalan mengejut, kegagalan sekejap-sekejap dan kegagalan beransur. Kegagalan ini boleh bermula di mana-mana bahagian jentera dan antara penyebab yang sering dikenalpasti adalah berpunca dari kesilapan operator, kurang senggaraan serta faktor penggunaan disebabkan kesan haus dan lusuh.

Terdapat beberapa kaedah yang sesuai digunakan bagi mencegah kegagalan jentera. Pemilihan kaedah yang betul akan bergantung kepada berapa

kritikalnya jentera berkenaan kepada sistem keseluruhan yang digunakan. Pertamanya, kaedah senggaraan reaktif merujuk kepada paradigma senggaraan tradisional iaitu jentera yang rosak sahaja akan diperbaiki, manakala kaedah kedua iaitu senggaraan preventif lebih bersifat mencegah kegagalan berdasarkan kepada perlaksanaan mengikut jadual senggaraan yang disyorkan oleh pembuat. Terkini kaedah senggaraan ramalan semakin banyak diperaktikkan bagi menilai prestasi atau kelakuan jentera. Kaedah ini akan menggunakan data-data secara terkumpul atau semasa bagi mendapatkan maklumat awal untuk dianalisa dan diambil langkah pencegahan bagi mengelakkan kegagalan seterusnya.

APAKAH ANALISIS TRIBOLOGI?

Tribologi ialah bidang kajian sains dan teknologi tentang geseran, kehausan dan pelinciran. Disiplin ilmu bidang tribologi melibatkan jurutera mekanik, ahli kimia, ahli fizik dan ahli sains bahan. Analisis tribologi pada masa kini digunakan secara meluas sebagai kaedah untuk mendiagnos keadaan jentera atau peralatan mekanikal berdasarkan kepada penelitian terhadap tiga (3) aspek iaitu geseran, haus dan pelinciran pada struktur utama atau komponen yang digunakan. Dengan bantuan peralatan makmal dan teknologi semasa, analisis tribologi boleh digunakan untuk mengawasi sistem jentera aset-aset ATM sebagai salah satu usaha memastikan tahap kesiagaan pada tahap terbaik. Strategi senggaraan optimum ini boleh dilaksanakan dengan merekodkan nilai indikator pantas atau data-data yang didapati ujian geseran, kehausan dan pelinciran. Sebagai contohnya Rajah 1 di bawah merupakan contoh imej ferografik (partikel haus) dari analisis tribologi yang dilaksanakan oleh pihak STRIDE pada beberapa sistem utama kapal iaitu jentera utama, janakuasa dan kotak gear. Dapatkan ujian menunjukkan tanda-tanda kegagalan seperti bentuk dan kepekatan partikel haus sudah jelas kelihatan dan pihak operator atau yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah awal dan membuat keputusan yang tepat untuk mengelakkan dari berlakunya kegagalan total.




Rajah 1: Imej ferografik menunjukkan saiz partikel haus logam kurang dari $15 \mu\text{m}$ bagi (a) jentera utama (keadaan normal), lebih dari $50 \mu\text{m}$ bagi (b) janakuasa (keadaan kritis) dan partikel berkepekatan tinggi bagi (c) kotak giar (keadaan tidak normal).

PERANAN STRIDE

Sebagai organisasi yang berperanan memberikan perkhidmatan teknikal kepada ATM serta menyokong kesiagaan aset pertahanan negara, Cawangan Teknologi Kapal Permukaan, STRIDE berkeupayaan untuk melaksanakan analisis tribologi bagi mendapatkan data awal dan meramal kemungkinan kecenderungan untuk berlakunya kegagalan pada jentera dan peralatan mekanikal ATM dengan menggunakan beberapa peralatan saintifik khusus yang terdapat di STRIDE (Rajah 2).

Secara teknikalnya, sebarang bentuk kegagalan jentera atau peralatan mekanikal mampu diramal menggunakan pendekatan dan kaedah yang bersesuaian.

Analisis tribologi adalah metodologi terkini, terbukti berkemampuan dan amat berkesan untuk digunakan sebagai salah satu cara melaksanakan program senggaraan ramalan bagi menentukan tahap kecekapan kefungsian sebarang jentera atau mesin mekanikal untuk mengelakkan kegagalan yang lebih teruk selain menjimatkan kos pembaikan. Sebagai organisasi pembekal perkhidmatan S&T kepada ATM, STRIDE mampu berperanan mengkaji dan menilai aspek kesiagaan aset-aset utama ATM untuk kekal berada pada tahap terbaik berdasarkan kepada analisis terperinci terhadap data-data geseran, haus dan lusuh yang terkumpul.



Rajah 2: Beberapa peralatan pengujian tribologi yang terdapat di Makmal STRIDE bagi mengdiagnosa punca kegagalan berasaskan kesan dari geseran, haus dan lusuh (a) Feroskop (b) Penguji pin on disc (c) Spectrometer elektrod cakera berputar (d) Spektrometer serapan atom

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) & PINGAT PERKHIDMATAN DAN PEKERTI TERBILANG (PPT) KEMENTERIAN PERTAHANAN

**JUN - OGOS
2022**

29 JUN 2022
PERINGKAT 6 BRIGED
THE LIGHT HOTEL PENANG, SEBERANG JAYA



1 JULAI 2022
PERINGKAT MINDEF SABAH
HOTEL LE MERIDIEN, KOTA KINABALU, SABAH



5 JULAI 2022
PERINGKAT 7 BRIGED
DEWAN MAHKOTA, MARKAS 7 BRIGED



26 JULAI 2022
PERINGKAT NEGERI KELANTAN DAN TERENGGANU
HOTEL PERDANA KOTA BHARU, KELANTAN



5 OGOS 2022
PERINGKAT MINDEF SARAWAK
HOTEL IMPERIAL



11 OGOS 2022
PERINGKAT 11 BRIGED
DEWAN JUBLI PERAK



18 OGOS 2022
PERINGKAT 12 BRIGED
KEM WARDIEBURN, KUALA LUMPUR



23 OGOS 2022
PERINGKAT 1 BRIGED
MAJESTIC HALL, PORT DICKSON





PROGRAM MUHIBAH DAN KESEDARAN BIODIVERSITI MARIN DI PULAU TIOMAN

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia PUSPANITA MinDef telah mengadakan program Muhibah dan Kesedaran Biodiversiti Marin di Pulau Tioman pada 1 hingga 3 Julai 2022 yang melibatkan penyertaan seramai 40 orang ahli PUSPANITA MinDef. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran para peserta tentang kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin dan ekosistem termasuk hidupan laut, terumbu karang dan kawasan pantai di Pulau Tioman. Malah secara tidak langsung program ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara ahli PUSPANITA MinDef dengan JKKK Tioman dan penduduk setempat dengan bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman antara satu sama lain.

PUSPANITA MinDef turut mengadakan aktiviti gotong royong membersihkan dan menceriakan Tabika Bimbingan Kanak-kanak (Tabika KEMAS) Kg. Tekek Pulau Tioman pada 1 Julai 2022 dan pada sebelah malamnya diadakan majlis penyampaian sumbangan prihatin PUSPANITA kepada 20 orang ibu tunggal di Pulau Tioman bagi mengurangkan beban kehidupan yang terpaksa ditanggung mereka. YBhg. Datin Sri Rafidah binti Latif, Pengerusi PUSPANITA MinDef turut meluangkan masa bersama-sama dengan ahli PUSPANITA MinDef yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Ketua Biro, Barisan Ahli Jawatankuasa dan ahli PUSPANITA MinDef dari pelbagai Bahagian, Markas dan Briged. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dari Warga Rompin, Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) dan JKKK Tioman. Pada keesokan harinya, diadakan aktiviti snorkeling di sekitar Pulau Tioman dan seterusnya aktiviti sukan pantai

telah diadakan bagi mengeratkan lagi ukhuwah serta meningkatkan semangat kerja sepasukan dalam kalangan ahli PUSPANITA secara khususnya dan warga MinDef amnya. Semua peserta menunjukkan semangat yang tinggi dan komited untuk menjadi juara kumpulan serta berusaha sedaya upaya untuk memenangi setiap acara yang dipertandingkan.



TAHUKAH
ANDA?

LENCANA PANGKAT MENGIKUT PERKHIDMATAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

TENTERA DARAT MALAYSIA

JENERAL	LEFTENAN JENERAL	MEJAR JENERAL	BRIGEDIER JENERAL	KOLONEL	LEFTENAN KOLONEL	MEJAR	KAPten	LEFTENAN MUDA

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

LAKSAMANA MASYA	LAKSAMANA MUDA	LAKSAMANA PERTAMA	KOMANDER TLDM	KEPTEN TLDM	KOMANDER KOMANDER TLDM	LEFTENAN KOMANDER TLDM	LEFTENAN TUDM	LEFTENAN MUDA TUDM

TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

JENERAL TUDM	LEFTENAN JENERAL TUDM	MEJAR JENERAL TUDM	BRIGEDIER JENERAL TUDM	KOLONEL TUDM	LEFTENAN KOLONEL TUDM	MEJAR TUDM	KAPten TUDM	LEFTENAN MUDA TUDM



Agenda perumahan

Merupakan antara program penting MinDef khususnya dalam meningkatkan taraf hidup dan keselesaan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan kakitangan awam. Pelaksanaan Blueprint Perumahan 3.0 dibahagikan kepada tiga (3) objektif utama seperti berikut:

- Pembinaan perumahan RKMAT
- Penyelenggaraan perumahan untuk ATM, awam MinDef dan Veteran ATM
- Pemilikan rumah untuk **WARGA PERTAHANAN**

Empat program

Perumahan utama di dalam Blueprint Perumahan 3.0 adalah:

- a) Pembangunan Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT)
- b) Senggaraan Awam dan Naik Taraf RKMAT 2 to 1
- c) Program Pemilikan Rumah Mampu Milik
- d) Program Perumahan Veteran ATM

Blueprint Perumahan 3.0

Memberi penekanan kepada:

- a) **Meningkatkan tahap kualiti hidup** dan **keselesaan** anggota-anggota tentera dan keluarga mereka
- b) **Meningkatkan moral** anggota-anggota untuk terus memberi khidmat dengan lebih cemerlang dan komited di samping dapat mencapai teras misi nasional dalam membangunkan modal insan yang berkualiti
- c) **Menyediakan kemudahan komuniti** yang lebih **sistematik** dan **teratur**
- d) **Mengurangkan perbelanjaan** kerajaan untuk jangka masa panjang



Untuk maklumat lanjut, sila layari media sosial